

15

Ahmad Idris bin Ab.Jalil,
Kampong Tanah Datar, *Chengkau*
Rembau.

8 hb. Februari 1976.

Kebawah kaus,
Yang Amat Mulia, Undang,
Luak Rembau.

Ada lah hamba Datok dengan segala hormat nya memo
hon ampun dan maaf sekira nya ada kata-kata hamba Datok yang
tidak tersusun dan kasar. Terbit nya warkah ini ia lah daripada
hamba Datok Ahmad Idris bin Ab.Jalil yang tinggal di Kampong
Tanah Datar, Rembau ada lah dengan keadaan serba dukacita.

Dengan hormat takzim nya hamba Datok maklumkan;
ia itu setelah kembali nya Datok Raja Senara Haji Alias pada
bulan Ogos yang lalu, hingga pada hari ini pengganti nya ma
seh belum di lantik oleh Yang Amat Mulia Datok . Mengikut
yang di tengok oleh Waris dan Buapak , maka hamba Datok ada
lah salah seorang yang di persetujui menyandang Pesaka Hamba
Dato itu.

Hamba Datok ada lah seorang Suku Tanah Datar Cheng
kau , Perut Mimber dan Charak Tanah Datar Rembau.

Hamba Datok dengan sepenuh harapan memohon agar
Hamba Datok dapat menyandang Pesaka ini, dan Hamba Datok ber
janji akan menjalankan tugas-tugas Hamba Datok mengikut sepan
jang Adat Istiadat Perpateh Negeri Sembilan.

Sekian itu lah sepatah kata Hamba Datok , dan di
harapi sangat supaya permohonan Hamba Datok ini dapat di kabul
kan.

Hamba Datok sentiasa berdoa mudah-mudahan Tuhan
panjangkan umur Yang Amat Mulia Datok dan Datin serta selamat
sejahtera selama lama nya.

Ada lah hamba Datok yang berharap,

Ahmad Idris
(Ahmad Idris bin Ab.Jalil)
Suku Tanah Datar, Rembau.
Chengkau

6

Kampung Tanah Datar,
Bengek,
Rembau.

o no. Disember 1970.

Kebawah Kaus,
Yang Amat Mulia, Undang,
Lagak Rembau.

Ada lah hamba Datek dengan segala hormatnya memohon ampun dan maaf sekiranya ada kata kata hamba Datek yang tidak ter susun dan kasar. Terbit nya warkah ini ia lah daripada hamba Datek Suku Waris Tanah Datar ruang Minbar dan ruang Jaya. Adalah disem bahkan bahawa calon bagi suku waris Tanah Datar, ruang Minbar Bengek yaitu Encik Yahya bin Andek, Siamar Menteri, Besar Suku Waris Tanah Datar, sepanjang pengetahuan dan penyiasatan hamba Datek sekalian ia lah:

1. Ayan beliau seorang bangsa orang Melayu Minangkabau.
2. Beliau bekerja sebagai seorang guru.
3. Beliau ialah anak tunggal kepada seorang ieu.
4. menjawat jawatan Siamar Menteri baharu kira kira sebulan.

Seperkara lagi adalah waris Suku Tanah Datar ruang Chengkau belum lagi mendapat peluang menjawat Pesaka Datek Senara (Raja orang sekali pun pada hal nya bagi pehak Ruang Bengek telah serpeluang menyanyang pesaka itu dua kali berturut turut yaitu Datek Raja Senara Minsar dari tahun (tidak dapat di titis tarikh nya) kemudian sekali lagi Datek Raja Senara Malak yang telah menyanyang Pesaka itu dari tahun 1870 ni ga 1970.

Oleh sebab diatas itulah hamba Datek sekalian berpendapat sudah patut lah pada kali ini Pesaka Datek Senara itu di sandang oleh seorang dari Ruang Minbar ^{Chengkau} Tanah Datar, kerana bak kata pepatan Ruang Bengek dan Chengkau sebagai sebatang durian mempunyai dua dahan, ten tu lah kedua dua dahan serbuah sama.

Diatas lempah kurnia Yang Amat Mulia Datek akan dapat mem veri keputusan yang adil dan saksama, hamba Datek sekalian mengucapkan ribuan terima kasih dan sentiasa berdoa agar tuhan sentiasa memelihara dan melanjutkan usia Yang Amat Mulia.

Dengan memohon ampun dan maaf hamba Datek sekalian menurukan tanda tangan di bawah ini:

- | | | |
|-----------------------------------|----------|--------------------|
| 1. <i>K. ab. Hanaf H. Datar</i> | T. Datar | <i>[Signature]</i> |
| 2. <i>M. kat bi Hj. Balat</i> | Bengek | <i>[Signature]</i> |
| 3. <i>[Signature]</i> | Bengek | <i>[Signature]</i> |
| 4. <i>[Signature]</i> | T. Datar | <i>[Signature]</i> |
| 5. <i>[Signature]</i> | T. Datar | <i>[Signature]</i> |
| 6. <i>[Signature]</i> | T. Datar | <i>[Signature]</i> |
| 7. <i>[Signature]</i> | T. Datar | <i>[Signature]</i> |
| 8. <i>[Signature]</i> | T. Datar | <i>[Signature]</i> |
| 9. <i>Ahmad Rosta Mohd. Yusof</i> | T. Datar | <i>[Signature]</i> |
| 10. <i>[Signature]</i> | T. Datar | <i>[Signature]</i> |



(7)dlm.BUR.26/75

BALAI UNDANG LUAK REMBAU,
NEGERI SEMBILAN.

4hb.Mac,1977.

Yang Mulia:

Dato' Perba Abd.Aziz bin Hussin,
35 Rumah Murah Kota,
Rembau

Dato',

....
Saya disabdakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja, Dato' Haji Adnan bin Haji Ma'ah, Undang Luak Rembau dengan hormatnya mempersilakan Yang Mulia Dato' Perba datang mengadap di Pejabat Balai ini pada hari Selasa 22hb.Mac,1977 jam 11.30 pagi kerana ke bawah kaus Undang Dato' sukacita hendak membincangkan perkara perlantikan Dato' Raja Senara, Lembaga bagi suku Tanah Datar.

2. Di samping itu saya disabdakan seterusnya agar dapat Dato' memberitahu dan meminta Buapak serta Besar yang berkenaan untuk sama mengadap Undang Dato' pada tarikh yang tersebut.

Hal demikianlah dimaklumkan, harap tidak diuzurkan; wassalam.

Saya, dengan sabda,

(HUSEN BIN KASIM)
Setiausaha Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

8

(8)dlm.BUR.26/75

BALAI UNDANG LUAK REMBAU,
NEGERI SEMBILAN.

Ke Majlis Yang Mulia:

11hb.Mac,1977.

Dato' Puteh Mohd.Noor bin Bakar,
Kg.Tanjong - Legong Ulu, Kota.

Dato' Ganti Abd.Manaf bin Idrus,
Kg.Tanjong - Legong Ulu, Kota.

Dato' Lela Wang Abdullah bin Moon,
Kg.Gadong - Kota,

REMBAU

Dato',

Saya disablakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja Hj.Adnan bin Hj.Ma'ah, Undang Luak Rembau dengan hormatnya mempersilakan Dato'-Dato' Lembaga Tali Pasuka Baroh datang mengadap di Pejabat Balai ini pada hari Selasa 22.3.1977 jam 11.30 pagi, kerana ke bawah kaus Undang Dato' sukacita hendak membincangkan perkara perlantikan Dato' Raja Senara, Lembaga bagi suku Tanah Datar.

Hal demikianlah dimuklumkan, semoga tidak diuzurkan jua adanya.

Saya, dengan sabda,

(HUSEN BIN KASIM)
Setiausaha/Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

PENYIASATAN PESAKA DATO' RAJA SENARA
LEMBAGA SUKU TANAH DATAR BAROH
Pada Hari Jhalatba 22/3/77

Yang di-jemput hadzris Tali Pesaka Bestima Sulu
di-Baroh.

Yang hadzris :-

1. Dato' Perba Abdul Aziz bin Husin.
2. Dato' Puteh Mohd Nor.
3. Dato' Ganti Maharaja Abd : Maunaf.
4. Dato' Lela Wangsa.

Buapale dan Besar - Buapale uzur.

Yang hadzris :-

1. Abu Mansar.
2. Yahya bin Endek (Besar - Simmar Menteri).
3. Sharif bin Aman (Besar - Laksamana).

Gelaran Pesaka Raja Senara ini telah di-
tetapkan ka. Perut Barohar - Ruang Barohel
dan Cherylan. Telah di-kekolokkan oleh
Tali Pesaka Bestima di-Baroh.

Catatan yang di-kemukakan oleh Buapale
serta di-persetujui oleh Besar dan wisir
yang bestimam ia. lah dua orang.
Ya-itu :-

1. Simmar Menteri - Yahya bin Endek.
2. Ahmad Faris bin Abdul Jalil.

Oleh kerana tiada kebulatan untuk men-
teli sa-orang maka temu duga akan
di-adakan pada 2/4/77 hari Sabtu,
pukul 11.30 pagi.

(10)dlm.BUR.26/75

PEJABAT BALAI UNDANG LUAK REMBAU,
NEGERI SEMBILAN.

29hb,Mac,1977.

Ke majlis Yang Mulia:

Dato' Perba Abd.Aziz bin Hussin,
No.35 - Rumah Murah Kota,
Rembau

Dato' Puteh Mohd.Noor bin Bakar,
Kg.Tanjong Lagong Ulu,
Kota,
Rembau

Dato' Ganti Maharaja Abd.Manaf bin Idrus,
Kg.Tanjong Lagong Ulu,
Kota,
Rembau

Dato' Lela Wangsa Abdullah bin Hoon,
Kg.Gadong Kota,
Rembau

Dato',

Temuduga Pesaka Dato' Raja Senara
(Lembaga suku Tanah Datar)

Saya adalah disabdakan oleh ke bawah kaum
Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja, Dato' Haji Adnan bin Haji
Ma'ah, Undang Luak Rembau dengan hormatnya memaklumkan iaitu
temuduga yang tersebut di atas akan diadakan di Pejabat Balai
Undang Luak Rembau pada 2hb.April,1977 jam 11.30 pagi, berse-
maan hari Sabtu.

2. Inilah saya disabdakan seterusnya mempersilakan
Yang Mulia Dato' supaya hadir bersama-sama dalam pemilihan yang
tersebut.

Hal demikianlah dimaklumkan, semoga tidak
diuzurkan. Wassalam.

Saya, dengan sabda ,

(HUSEN BIN KASIM)
Setiausaha Kepada,
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

(1a)d/m.BUR.36/75

PEJABAT BALAI UNDANG LUAK REMBAU,
NEGERI SEMBILAN.

29hb,Mac,1977.

SILAKA

Yang Mulia,
Dato' Perba Abdul Aziz bin Hussin,
35 Rumah Murah Kota,
R e m b a u

Dato'

Per: Temuduga Pesaka Dato' Raja Senara,
Lembaga suku Tanah Datar
Di Pejabat Balai Undang Rembau
Hari Sabtu 2hb.April,1977 jam 11.30 pagi

Saya adalah disabdakan oleh ke bawah kaus
Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja, Dato' Haji Adnan bin Haji
Ma'ah, Undang Luak Rembau dengan hormatnya memaklumkan iaitu
berhubung perkara di atas diminta agar Yang Mulia Dato' dapat
memberitahu dan mempersilakan Buapak, Besar serta calon-calon
yang berkenaan hadir bersama dalam masa pemilihan yang tersebut.

Hal demikianlan dimaklumkan, semoga tidak
diuzurkan, Wassalam.

Saya, dengan sabda,

(HUSEN BIN KASIM)
Setiausaha Kepada
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

Yahya bin Endek,
Sekolah Kebangsaan Kota,
Kota,
N.Sembilan.
28hb Mac, 1977.

Kebawah Kaus,
Yang Teramat Mulia,
Dato' Undang Luak Rombau,
Balai Undang Luak,
Rombau.

Dato',

Permohonan Menyandang Pusaka
Dato' Raja Senara Lembaga warith Tanah Datar (Baruh)
Rombau.

Bahawa hamba dato' yang tersebut nama diatas adalah memanjung kasih kebawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' memohon Menyandang Pusaka Dato' Raja Senara Lembaga Warith Tanah Datar (Baruh) Rombau atas kekosongan pusaka ini semenjak kematian Allahyarham Dato' Raja Senara Haji Alias pada 1 . 9 . 75 yang lalu.

Butir-butir peribedi hamba dato' adalah dinyatakan seperti dibawah:

- 1. Nama: Yahya bin Endek.
- 2. Gelaran: Besar Siamar Menteri.
- 3. Alamat: Sekolah Kebangsaan Kota.
- 4. Pekerjaan: Guru.
- 5. Tarikh lahir: 30.11.1927.
- 6. Umur: 49 tahun.
- 7. Suku Warith: Tanah Datar Bengek.
- 8. Tempat Semenda: Sri Melonggang Tg Sena Rombau.

Mengikut keputusan pakatan Suku Warith Tanah Datar (Baruh) yang berunding pada 16.11.75 yang lalu telah menetapkan perut Bimbar jatuh menyandang pusaka Dato' Lembaga ini. Oleh itu Perut bimbar telah mengadakan rundingan pada 23.11.75 mencari calon penyandang pusaka ini. Oleh sebab kata bulat tidak didapati maka bagi anak buah perut Bimbar di Bengek mencalonkan hamba dato' sebagai penyandang pusaka dan seorang calon lagi dari Perut Chongkau.

Perkara ini telah pun disetujui oleh Buapak-Buapak dan anak buah Suku Tanah Datar (Baruh) Untuk disembahkan kepada Yang Teramat Mulia Dato' dengan melalui Tali pusaka yang lima ,maka nama-nama calon-calon ini telah pun di kemukakan kepada Yang Teramat Mulia Dato' tempoh hari.

Sebagai seorang anak Watan Rombau bagi menjaga nama baik pusaka Adat Perpatih Rombau yang telah dianuti oleh penduduknya yang telah turun temurun dari dato' moyang zaman dahulu maka timbullah hasrat hamba dato' tampil sebagai calonnya untuk menyandang pusaka ini.

Mudah-mudahan dengan restu Tuhan Yang Maha Kuasa kiranya dapatlah pertimbangan yang saksama kebawah kaus Yang Teramat Mulia Dato'.

Sekianlah dahulu hamba dato' sudahi dengan wassalam adanya.

Hamba dato',